

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari / Mac 2003

**JNK 201/3 - Termodinamik**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON :**

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** mukasurat dan **TUJUH (7)** soalan yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

**Buku Sifat dan Termodinamik** disediakan.

Sila jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Setiap soalan mestilah dimulakan pada mukasurat yang baru.

Serahkan **KESELURUHAN** soalan dan jawapan kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

**KETUA PENGAWAS : Sila pungut :**

- (a) **KESELURUHAN** kertas soalan ini (tanpa diceraikan mana-mana muka surat) dan mana-mana kertas soalan peperiksaan ini yang berlebihan untuk dikembalikan kepada Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pendaftar, USM.

**Peringatan :**

1. Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul.

- S1. [a] Empat kilogram bagi satu gas tertentu diletakkan di dalam sistem omboh-selinder. Gas berkenaan mengalami proses melalui hubungan  $PV^{1.5} = \text{malar}$ . Tekanan awal ialah 3 bar, isipadu awal ialah  $0.1 \text{ m}^3$  dan isipadu akhir ialah  $0.2 \text{ m}^3$ . Perubahan pada tenaga dalaman tentu bagi gas berkenaan di dalam proses tersebut ialah  $-4.6 \text{ kJ/kg}$ . Tiada perubahan di dalam tenaga keupayaan dan tenaga kinetik. Tentukan pemindahan haba bersih bagi proses berkenaan.

*Four kilograms of a certain gas is contained within a piston-cylinder assembly. The gas undergoes a process for which the  $P-V$  relationship is  $PV^{1.5} = \text{constant}$ . The initial pressure is 3 bars, the initial volume is  $0.1 \text{ m}^3$ , and the final volume is  $0.2 \text{ m}^3$ . The change in specific internal energy of the gas in the process is  $-4.6 \text{ kJ/kg}$ . There are no significant changes in kinetic or potential energy. Determine the net heat transfer for the process.*

(50 markah)

- [b] Stim pada  $0.6 \text{ MPa}, 200^\circ\text{C}$  memasuki muncung tertebat dengan halaju  $50 \text{ m/s}$ . Ia meninggalkan muncung pada tekanan  $0.15 \text{ MPa}$  dan halaju  $600 \text{ m/s}$ . Tentukan suhu akhir jika stim adalah panas lampau pada keadaan akhir, atau kualiti stim jika ia dalam keadaan tepu. (Abaikan perubahan di dalam tenaga keupayaan).

*Steam at  $0.6 \text{ MPa}, 200^\circ\text{C}$  enters an insulated nozzle with a velocity of  $50 \text{ m/s}$ . It leaves at a pressure of  $0.15 \text{ MPa}$  and a velocity of  $600 \text{ m/s}$ . Determine the final temperature if the steam is superheated in the final state, or the quality if it is saturated. (Neglect the changes in the potential energy).*

(50 markah)

- S2. [a] Sebuah tangki berisipadu malar mengandungi  $3 \text{ kg}$  campuran cecair-wap air pada tekanan  $500 \text{ kPa}$ . Jumlah isipadu bagi tangki ialah  $1 \text{ m}^3$ . Kirakan suhu bagi campuran, dan kirakan juga isipadu dan jisim bagi cecair dan wap.

*A constant volume tank contains  $3 \text{ kg}$  liquid-vapor mixture of water at a pressure of  $500 \text{ kPa}$ . The total volume of the tank is  $1 \text{ m}^3$ . Find the temperature of the mixture, and calculate the volume and mass of the liquid and vapor.*

(50 markah)

- [b] Satu gas unggul yang tidak diketahui mempunyai isipadu tentu  $0.533 \text{ m}^3/\text{kg}$  pada tekanan  $100 \text{ kPa}$  dan suhu  $15^\circ\text{C}$ .  $0.9 \text{ kg}$  gas tersebut memerlukan pemindahan haba sebanyak  $175 \text{ kJ}$  bagi menaikkan suhunya dari  $15^\circ\text{C}$  ke  $250^\circ\text{C}$  semasa tekanan adalah malar. Kirakan

- (i) pemalar gas.
- (ii) haba tentu bagi gas pada tekanan malar.
- (iii) haba tentu bagi gas pada isipadu malar.
- (iv) perubahan entropi ketika proses pemindahan haba.
- (v) kerja yang dilakukan ketika proses pemindahan haba.

An unknown ideal gas has a specific volume of  $0.533 \text{ m}^3/\text{kg}$  at a pressure of  $100 \text{ kPa}$  and a temperature of  $15^\circ\text{C}$ . A mass of  $0.9 \text{ kg}$  of this gas requires a heat transfer of  $175 \text{ kJ}$  to rise its temperature from  $15^\circ\text{C}$  to  $250^\circ\text{C}$  while the pressure remains constant. Calculate

- (i) the gas constant.
- (ii) specific heat of the gas at constant pressure.
- (iii) specific heat of the gas at constant volume.
- (iv) the change of entropy during the heat transfer process.
- (v) the work done during the heat transfer process.

(50 markah)

S3. [a] Mengapakah kitar Carnot berbalik bukan sebuah model sebenar bagi kitar penyejukan ?

*Why is the reversed Carnot cycle not a realistic model for refrigeration cycles?*

(20 markah)

[b] Stim pada  $4 \text{ MPa}$  dan kualiti ( pecahan kekeringan )  $0.7$  mengembang secara sesuhu ( pada suhu malar ) ke atas omboh ke tekanan  $1 \text{ MPa}$ .

- (i) tunjukkan proses pada gambarajah T-s.
- (ii) tentukan pemindahan haba ketika proses.
- (iii) tentukan kerja yang dilakukan.

*Steam at  $4 \text{ MPa}$  and quality (dryness fraction) of  $0.7$  expands isothermally (at constant temperature) behind a piston to a pressure of  $1 \text{ MPa}$ .*

- (i) show the process on the T-s diagram.
- (ii) determine the heat transferred during the process.
- (iii) determine the work done.

(80 markah)

S4. [a] Nyatakan pernyataan Kelvin-Planck bagi hukum kedua termodinamik

*State the Kelvin-Planck statement of the second law of thermodynamics.*

(20 markah)

[b] Satu kitar Brayton udara-piawai menerima udara pada  $27^\circ\text{C}$  dan  $103 \text{ kPa}$ . Had-had atas bagi tekanan dan suhu bagi kitar berkenaan ialah  $517 \text{ kPa}$  dan  $316^\circ\text{C}$ . Tunjukkan kitar pada gambarajah T-s, dan tentukan tekanan dan suhu pada setiap titik pada kitar dan kecekapan terma bagi kitar.

*An air-standard Brayton cycle receives air at  $27^\circ\text{C}$  and  $103 \text{ kPa}$ . The upper limits of pressure and temperature of the cycle are  $517 \text{ kPa}$  and  $316^\circ\text{C}$ . Show the cycle on a T-s diagram, and determine the pressure and temperature at each point in the cycle, and the thermal efficiency of the cycle.*

(80 markah)

S5. [a] **Takrifkan :**

- (i) nisbah mampatan bagi kitar Otto.
- (ii) nisbah tekanan bagi kitar turbin gas.

*Define :*

- (i) *the compression ratio of Otto cycle.*
- (ii) *the pressure ratio of gas turbine cycle.*

(20 markah)

[b] Nisbah mampatan bagi kitar Otto udara-piawai ialah 10. Sebelum proses mampatan seisentropi, udara adalah pada 0.1 MPa, 15°C. Pemindahan haba kepada udara per kitar ialah 1800 kJ/kg udara. Tunjukkan kitar pada gambarajah p – v dan tentukan :

- (i) suhu dan tekanan pada penghujung setiap proses bagi kitar
- (ii) kecekapan terma
- (iii) tekanan berkesan min

*The compression ratio of an air-standard Otto cycle is 10. Prior to the isentropic compression process, the air is at 0.1 MPa, 15°C. The heat transfer to the air per cycle is 1800 kJ/kg air. Show the cycle on a p – v diagram, and determine*

- (i) *the temperature and pressure at the end of each process of the cycle;*
- (ii) *the thermal efficiency; and*
- (iii) *the mean effective pressure.*

(80 markah)

S6. [a] **Lakarkan kitar Rankine unggul mudah pada gambarajah T-s.**

*Sketch the simple ideal Rankine cycle on a T-s diagram.*

(20 markah)

[b] Sebuah loji kuasa stim beroperasi pada kitar Rankine unggul mudah. Kuasa keluaran bersih ialah 300 MW. Stim memasuki turbin pada 10 MPa dan 500°C dan disejukkan pada pemeluwapan pada tekanan 10 kPa. Tentukan

- (i) entalpi stim pada penghujung setiap proses bagi kitar.
- (ii) kecekapan terma bagi kitar.
- (iii) kadar aliran jisim bagi stim.

*A steam power plant operates on a simple ideal Rankine cycle. The net output power of the cycle is 300 MW. Steam enters the turbine at 10 MPa and 500°C and is cooled in the condenser at a pressure of 10 kPa. Determine*

- (i) *the enthalpy of the steam at the end of each process of the cycle.*
- (ii) *the thermal efficiency of the cycle.*
- (iii) *the mass flow rate of the steam.*

(80 markah)

S7. [a] **Lakarkan kitar penyejukan unggul pemampatan-wap pada gambarajah T-s.**

*Sketch the ideal vapor-compression refrigeration cycle on a T-s diagram.*

(20 markah)

[b] **Bahan penyejuk R-134a memasuki pemampat sebagai wap tepu pada 140 kPa dan dimampatkan ke 800 kPa di dalam satu kitar penyejukan unggul pemampatan-wap. Kesan penyejukan bagi kitar ialah 5 kW. Tentukan**

- (i) **entalpi bahan penyejuk pada penghujung setiap proses bagi kitar berkenaan.**
- (ii) **kualiti bahan penyejuk pada penghujung proses pendikitan.**
- (iii) **pekali prestasi.**
- (iv) **kuasa masukan kepada pemampat**

*Refrigerant R-134a enters the compressor as saturated vapor at 140 kPa and is compressed to 800 kPa in an ideal vapor-compression refrigeration cycle. The cooling effect of the cycle is 5 kW. Determine*

- (i) *the enthalpy of the refrigerant at the end of each process of the cycle.*
- (ii) *the quality of the refrigerant at the end of the throttling process.*
- (iii) *the coefficient of performance.*
- (iv) *the power input to the compressor.*

(80 markah)